

**MINIT MESYUARAT MAJLIS TADARUS AL-QURAN SEKOLAH-SEKOLAH (MTQSS)
PERINGKAT SEKOLAH RENDAH
DAERAH KINTA SELATAN TAHUN 2019**

TARIKH : 13 Febuari 2019
HARI : Rabu
MASA : 2.30 petang
TEMPAT : Bilik Mesyuarat, Pejabat Pendidikan Daerah Kinta Selatan

KEHADIRAN :

- | | |
|--|---|
| 1. Ustaz Islah Bin Othman | - Penyelia Kanan Pendidikan Islam PPDKS |
| 2. Pn. Saliza Bt Said | - Guru besar SK St. Bernadete's Convent |
| 3. Pn. Azni Bt Abd Rahman | - Guru besar SK Bukit Pekan |
| 4. Pn. Nor hashimah Bt Othman | - Guru besar SK Tualang Sekah |
| 5. Pn. Siti Habsah Bt Hashim | - Guru besar SK Seri Tronoh |
| 6. En. Mohd Kamal Bin Wahidin | - Guru besar SK St Paul |
| 7. En. Mohd Hasnul Bin Hanafi | - Guru besar SK De La Salle |
| 8. Pn. Sakinah@Sapinah Bt Maamor | - GPI SK Gunung Panjang |
| 9. Pn. Siti Masrini Bt Ishak | - GPI SK Tualang Sekah |
| 10. Pn. Siti Rafiah Bt Mat Soh | - GPI SK Sahom |
| 11. Pn. Che Rafidah Bt Shafie | - GPI SK Kuala Dipang |
| 12. Pn. Nor Aznita Bt Shamsuri | - GPI SK Changkat Tin |
| 13. Pn. Siti Nor Atikah Bt Che Razali | - GBA SK Malim Nawar |
| 14. Pn. Murtakiah Bt Hj Abd Kadir | - GPI SK Seri Tronoh |
| 15. Pn. Roslina Bt Mohamed Isa | - GPI SK Methodist (ACS) Kampar |
| 16. Pn. Siti Robiatul | - GBA Ayer Hitam Labu |
| 17. Pn. Siti Rubaya Bt Hasim | - GBA SK Methodist |
| 18. Pn. Nur Amalina Bt Mohamad Razali | - GBA SK Changkat Tualang |
| 19. P. Nor Sarah Bt Yaakub | - GPI SK Pengkalan Baharu |
| 20. Pn. Evi Susanti Bt Azuardi | - GPI SK St Bernadette's Convent |
| 21. Pn. Siti Musniza BT Mustafa | - GBA SK Tronoh |
| 22. Pn. Norehan Bt Abdul Ghani | - GPI SK SGg Itek |
| 23. En. Muhammad Hanis Bin Mohd Fadzil | - GPI SK Ayer Papan |
| 24. En. Ahmad Sirajul Halimi B Abd Wahab | - GPI SK Kg Seri Rahmat |
| 25. En. Mohamad Fazli Bin Zainuddin | - GPK 1 SK Kg Seri Rahmad |
| 26. En. Mohd Fadzil Bin Hassan | - GPI SK TIWA |
| 27. En. Abdul Jalil Bin Bashri | - GPI SK Tg Tualang |
| 28. En. Ismail Anas Bin Nurdin | - GPI SK Kampar |
| 29. En. Mohd Shah Rizal Bin Zainudin | - GPI SK Siputeh |
| 30. En. Hishammuddin | - GPI SK Seri Jaya |

AGENDA

1. UCAPAN PENGERUSI (USTAZ ISLAH BIN OTHMAN)

- 1.1 Pengerusi mengucapkan selamat datang dan terima kasih di atas kehadiran Guru Besar dan Guru Pendidikan Islam yang mewakili sekolah masing-masing.
- 1.2 Makluman aktiviti dakwah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tahun 2019
 - 1.2.1 MTQSS Peringkat Kebangsaan pada 21-24 Jun 2019 di Negeri Perlis
 - 1.2.2 MTQSS Peringkat Negeri pada 12-13 April 2019 di Daerah Kerian
 - 1.2.3 MTQSS Peringkat Daerah pada 03 April 2019 di SK Tualang Sekah
 - 1.2.4 MTQSS Peringkat Zon pada 12-14 Mac 2019
- 1.2 Pengerusi mengharapkan agar semua guru dapat memberikan kerjasama supaya majlis MTQ berjalan lancar. Pengerusi juga mengharapkan agar keputusan mesyuarat ini dapat menentukan AJK yang bersesuaian dengan tugas dan keupayaan masing-masing serta dapat menjadi punca kuasa untuk yuran penyertaan MTQ pada tahun ini.

Tindakan: Makluman semua

2. PENGELOLA PERTANDINGAN

- 2.1 MTQ peringkat zon terbahagi kepada 3 zon iaitu
 - 2.1.1 Zon Batu Gajah sebanyak 11 buah Sekolah Rendah yang akan di adakan pada 12 Mac 2019 bertempat di SK St Paul pada jam 2.00 petang
 - 2.1.2 Zon Gopeng sebanyak 10 buah Sekolah Rendah yang akan di adakan pada 13 Mac 2019 bertempat di SK Seri Rahmat pada jam 2.00 petang
 - 2.1.3 Zon Kampar sebanyak 10 buah Sekolah Rendah yang akan di adakan pada 14 Mac 2019 bertempat di SK De La Salle pada jam 2.00 petang.
- 2.2 MTQ peringkat Daerah pula akan di adakan pada 3 April 2019 bertempat di SK Tualang Sekah pada jam 9.00 pagi.

Tindakan: Makluman semua

3. PERATURAN DAN SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN

- 3.1 Peraturan dan syarat-syarat bagi MTQ peringkat zon/daerah/negeri/kebangsaan adalah sama seperti tahun lepas.
- 3.2 Acara-acara yang akan dipertandingkan ialah :
 - 3.2.1 Tilawah al-Quran (Kategori Lelaki dan Perempuan)
 - 3.2.2 Hafazan (Kategori Lelaki dan Perempuan)
 - 3.2.3 Bercerita (Kategori Lelaki dan Perempuan)
- 3.2 Bagi acara Tilawah Al-Quran peserta boleh memilih 5 pilihan ayat tilawah Al-Quran yang telah ditetapkan dengan merujuk soalan edaran MTQSS KPM 2019 untuk peringkat zon/daerah/negeri dan kebangsaan.
- 3.3 Bagi acara Hafazan, peserta dikehendaki menghafaz ayat-ayat hafazan dari surah An-Naba' sehingga surah An-Nas untuk peringkat zon/dareah/negeri dan kebangsaan
- 3.4 Bagi acara bercerita pula, pilihan tajuk bercerita kisah daripada Al-Quran peringkat zon dan daerah adalah bermula dari tajuk 1 hingga 3 sahaja (rujuk soalan edaran

MTQSS KPM) manakala peringkat kebangsaan pula, bermula dari tajuk 1 hingga 4 dalam soalan edaran yang telah diberikan.

Tindakan : Makluman semua

4 PEMBENTANGAN ANGGARAN PERBELANJAAN

- 4.1 Penetapan yuran penyertaan adalah seperti berikut :
 - 4.1.1 Setiap sekolah perlu membayar yuran penyertaan sebanyak **RM 200.00** melalui wang **SUWA/PIBG** bagi menampung kos perbelanjaan majlis.
 - 4.1.2 Pembayaran yuran boleh diberikan secara tunai/cek kepada Unit Pendidikan Islam, Pejabat Pendidikan Daerah Kinta Selatan melalui akaun Maybank **KELAB KEBAJIKAN PPDKS – 508047115321**
 - 4.1.3 Sumbangan ikhlas daripada setiap sekolah juga termasuk Guru besar, Guru Penolong Kanan dan guru-guru beragama islam di setiap sekolah juga boleh diberikan terus kepada Unit pendidikan Islam, Pejabat Pendidikan Daerah Kinta Selatan.
 - 4.1.4 Yuran penyertaan dan wang sumbangan hendaklah diserahkan sebelum atau **Pada 1 Mac 2019 [Jumaat]**
 - 4.1.5 Pembayaran yuran boleh diserahkan sebelum MTQ peringkat zon bermula untuk memudahkan pengurusan
 - 4.1.6 Yuran penyertaan peringkat daerah pula sebanyak **RM 600.00** akan dikeluarkan daripada setiap zon untuk disumbangkan ke peringkat daerah.
- 4.2 Penganjur hanya menyediakan makanan untuk hakim dan AJK yang dilantik sahaja. Makanan peserta dan guru pengiring adalah tanggungjawab sekolah masing-masing.
- 4.3 Sijil penyertaan dan penghargaan akan disumbangkan oleh PPD Kinta Selatan. Peserta yang berjaya mendapat tempat pertama hingga ketiga hanya akan mendapat sijil penghargaan sahaja manakala peserta yang tidak mendapat tempat akan mendapat sijil penyertaan.

Tindakan : Makluman semua

5 UNDIAN GILIRAN

- 5.1 Undian giliran peserta akan di buat pada mesyuarat akan datang memandangkan tidak semua wakil dari sekolah rendah yang hadir pada hari ini.
- 5.2 Surat panggilan mesyuarat kali kedua akan dikeluarkan oleh Unit Pendidikan Islam PPD Kinta Selatan di zon masing-masing.

Tindakan: Makluman Semua

6 HAL-HAL LAIN

- 6.1 Keputusan hakim pertandingan adalah muktamad. Setiausaha mengharapkan tiada bantahan keputusan dari guru-guru kerana hakim yang dipilih adalah dari persetujuan pemilihan bersama.
- 6.2 Penyelaras mengingatkan asatizah supaya tidak meninggalkan majlis MTQ sebelum majlis berakhir


7. **PENUTUP**

7.1 Pengerusi mengucapkan terima kasih atas kerjasama wakil sekolah yang hadir.

7.2 Majlis ditutup dengan bacaan Tasbih Kafarrah dan Surah An-Asr.

Mesyuarat ditangguhkan pada pukul jam 5.00 petang

Disediakan oleh:



.....
(MOHD HAFIZ BIN MOHD ISHAH)

Setiausaha,
Majlis Tilawah Al-Quran,
Daerah Kinta Selatan

Disahkan oleh:



.....
(NORHASHIMAH BT OTHMAN)

Pengerusi,
Majlis Tilawah Al-Quran,
Daerah Kinta Selatan.

